

PADANAN ISTILAH KESIHATAN AWAM BERKAITAN ISU COVID-19

(Translation in Public Health Terms Related to COVID -19 Issues)

Nor Diyana Saupi*
diyana_saupi@uitm.edu.my

Amirah Ahmad
amirah1275@uitm.edu.my

Nurrissammimayantie Ismail
nurrissa@uitm.edu.my

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Shah Alam.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Nor Diyana Saupi, Amirah Ahmad dan Nurrissammimayantie. (2022). Padanan istilah Kesihatan Awam berkaitan isu COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 105–128. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no5)

Peroleh: <i>Received:</i>	20/8/2021	Semakan: <i>Revised</i>	5/3/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	15/5/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	2/6/2022
------------------------------	-----------	----------------------------	----------	-----------------------------	-----------	--------------------------------------------------	----------

Abstrak

Penularan virus COVID-19 pada awal tahun 2020 telah memberi impak yang besar kepada penduduk dunia. Saban hari pihak media akan melaporkan berita terkini tentang COVID-19 sama ada di dalam mahupun luar negara. Oleh itu, maklumat yang tepat dan betul harus disampaikan kepada orang awam bagi mewujudkan kefahaman dan kesedaran kepada mereka tentang bahaya ancaman penyakit pandemik ini. Isu COVID-19 merupakan sesuatu yang baharu dalam bidang Kesihatan Awam di Malaysia. Secara tidak langsung menunjukkan perlunya padanan istilah yang tepat dan sejadi daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu bagi memastikan maklumat yang disampaikan benar-benar dapat diterima oleh masyarakat. Usaha yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membentuk padanan istilah yang tepat merupakan

suatu langkah proaktif. Kajian ini dilakukan untuk menghuraikan kaedah penterjemahan, penyerapan, penyesuaian imbuhan istilah asing atau gabungan kaedah tersebut untuk membentuk istilah dalam bidang Kesihatan Awam khususnya berkaitan dengan isu COVID-19. Kajian kualitatif ini dilakukan dengan memanfaatkan data yang dicerap daripada laman media sosial Twitter @DBPMalaysia yang bertujuan menguar-uarkan istilah yang tepat bagi isu COVID-19. Data diambil daripada hantaran di media sosial rasmi DBP tersebut sepanjang 18 Mac 2020 hingga 18 Mac 2021. Sebanyak 54 istilah Kesihatan Awam berkaitan dengan isu COVID-19 telah dikenal pasti dan dianalisis kaedah pembentukan istilah yang digunakan. Perbincangan padanan istilah tersebut berpandukan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu* (2004) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah penterjemahan merupakan kaedah paling banyak digunakan dalam data yang dikaji, diikuti dengan gabungan penterjemahan dan penyerapan.

Kata kunci: COVID-19, Kesihatan Awam, istilah, penterjemahan, gabungan penterjemahan, penyerapan

Abstract

The spread of the COVID-19 virus in early 2020 has had a major impact on the world's population. Every day, the media will report on the latest news about COVID-19, both locally and abroad. Therefore, accurate and correct information should be delivered to the public to create understanding and awareness of this pandemic. In the field of Public Health in Malaysia, the COVID-19 issue is considered as something new. This implied the need to translate the exact medical terms from English to Malay to ensure that the information presented is completely acceptable by the society. The efforts made by the Ministry of Health Malaysia and Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) in forming accurate terms is a proactive step. This study was conducted to describe the methods of translation, absorption, and adaptation of foreign term remuneration or a combination of such methods in forming terms in the field of Public Health, particularly related to the issue of COVID-19. This qualitative study was conducted by utilizing data observed from the Twitter handle, @DBPMalaysia, which aims to articulate the right terms for the issue of COVID-19. Data were taken from submissions on DBP's official social media from 18 March 2020 to 18 March 2021. A total of 54 Public Health terms related to the COVID-19 issue were identified and the formation methods of

the terms used were analyzed. Discussions matching those terms are based on Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu (2004), published by DBP. The findings of the study indicate that the translation method is the most widely used method in the data studied, followed by a combination of translation and absorption.

Keywords: COVID-19, Public Health, terminology, translation, combination of translation, absorption

PENGENALAN

Penularan virus COVID-19 (sebelumnya dikenali sebagai 2019-nCoV) pada akhir tahun 2019 di China telah memberikan impak yang besar kepada dunia. Dalam hanya beberapa bulan, seluruh dunia mula merasai kesan penularan wabak ini dari pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial, politik dan kesihatan sejagat. Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik yang berbahaya (*The Time*, 2020). Pelaporan dan pemberitahuan maklumat terkini menerusi media massa berkaitan dengan isu COVID-19 ini sering menjadi ikutan seluruh masyarakat tidak kira di dalam mahupun di luar negara. Oleh hal yang demikian, maklumat yang tepat dan betul harus disampaikan kepada orang awam bagi mewujudkan kefahaman dan kesedaran kepada mereka tentang bahaya ancaman penyakit pandemik ini.

Kes pertama COVID-19 di Malaysia telah dikenal pasti pada 24 Januari 2020 apabila lapan individu yang menjadi kontak rapat kes pertama di Singapura tiba di Johor Bahru (*Berita Harian*, 2020). Sehingga kini kes COVID-19 di Malaysia telah menunjukkan jumlah 4.47 juta kes dengan kematian sebanyak 35,607 (sehingga 13 Mei 2022). Pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memutuskan rangkaian penularan virus berbahaya ini. Antaranya dengan penguatkuasaan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), menggariskan panduan Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) yang ketat, memperkukuh sinergi kerjasama antara pihak kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan, serta meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

Bidang Kesihatan Awam umumnya memfokuskan usaha untuk meningkatkan dan mengekalkan kesihatan fizikal, mental dan sosial masyarakat. Hal ini termasuklah mengurangkan kejadian penyakit dan kematian, menggalakkan masyarakat hidup secara sihat, selamat dan bersih (Jabatan Kesihatan Selangor, t.t.). Dalam bidang Kesihatan

Awam, isu COVID-19 jelas sekali merupakan perkara baharu yang perlu diberikan perhatian. Perhatian yang dimaksudkan bukan setakat pada peringkat kualiti perkhidmatan para petugas kesihatan, malah dari aspek perkembangan kebahasaan juga. Setakat diperhatikan, banyak istilah dan jargon baharu dalam bidang Kesihatan Awam yang diserap daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Istilah yang digunakan ini tidak boleh diterjemahkan sewenang-wenangnya. Hal ini kerana Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menetapkan tujuh langkah pembentukan istilah dalam bahasa Melayu

Dalam usaha meniti cabaran pandemik COVID-19 ini, pihak DBP dilihat telah bertindak pantas mewujudkan istilah baharu berkaitan dengan bidang Kesihatan Awam. Usaha ini merupakan kegiatan yang berterusan dan memerlukan kerjasama daripada pihak lain. Misalnya, pakar media dan pakar kesihatan. Cadangan istilah boleh diberikan kepada pihak DBP yang menyemak dan membetulkan aspek kebahasaan seperti ejaan, tatabahasa dan sebutan. Menurut Awang, sungguhpun terdapat banyak istilah yang diambil daripada bahasa Inggeris, namun, adalah lebih baik sekiranya inisiatif menggunakan istilah bahasa Melayu dijalankan (Bernama, 2 Julai 2020). Hal ini bermaksud, bukan semua istilah tersebut disadur secara langsung daripada bahasa asing (dengan perubahan ejaan mengikut struktur ejaan bahasa Melayu), tetapi turut diolah istilah itu dalam bahasa Melayu seperti istilah *face mask* menjadi “pelitup muka”. Jika diperhatikan, kebanyakan istilah dalam bidang Kesihatan Awam yang digunakan kini menggunakan istilah yang telah melalui proses penterjemahan yang berperingkat seperti fungsi, rupa bentuk dan makna yang paling sejadi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kaedah yang digunakan untuk membentuk istilah yang telah diguna pakai dalam bidang Kesihatan Awam berkaitan dengan pandemik COVID-19 melalui laman sosial Twitter @DBPMalaysia.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kajian lepas tentang penterjemahan istilah, pelbagai bidang telah diberikan perhatian seperti bidang sains pertanian (Raja Masittah, Che Ibrahim & Norazlina, 2012); bidang saintifik (Zaliza & Mahfuzzah, 2014); bidang fesyen (Amirra Shazreena, Vijayaletchumy & Che Ibrahim, 2017); dan bidang agama (Mukhlis, Nasimah & Lubna, 2020). Namun begitu, kajian penterjemahan istilah dalam bidang Kesihatan Awam khususnya di Malaysia masih kurang diberikan perhatian. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kajian berkaitan dengan peristilahan dalam konteks terminologi

tentang COVID-19 telah dilakukan oleh sarjana tempatan, seperti kajian meneliti istilah COVID-19 dari perspektif sosioterminologi (Junaini, Rusmadi & Anis Shahira, 2020) dan persepsi penerimaan masyarakat terhadap istilah COVID-19 oleh Mohamad Zakuan (2020).

Kajian Raja Masittah, Che Ibrahim & Norazlina (2012) memfokuskan penerapan istilah dengan meneliti istilah yang dimanfaatkan oleh penterjemah yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka/MBIM/MABBIM dalam usahanya menterjemah buku-buku daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam bidang sains pertanian. Istilah yang dimanfaatkan oleh para penterjemah dapat dilihat melalui penggunaan istilah yang sama dengan daftar istilah yang diterbitkan oleh DBP. Para penterjemah masih memanfaatkan dan merujuk istilah yang dicipta oleh MBIM/MABBIM dalam kerja penterjemahan yang dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat sejumlah istilah yang digunakan oleh penterjemah tidak ada padanannya dalam daftar istilah Pertanian yang diterbitkan oleh DBP. Kajian ini menjelaskan bahawa penterjemah yang mempunyai pengalaman menterjemah dan mempunyai kelulusan dalam bidang Sains Pertanian akan memahami konsep istilah yang mahu digunakan berbanding dengan penterjemah yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang Sains Pertanian.

Seterusnya, kajian peristilahan bidang saintifik oleh Zaliza dan Mahfuzzah (2014) memfokuskan padanan istilah berdasarkan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (2014). Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti cara pembentukan dan memanfaatkan istilah dalam bidang saintifik. Istilah dalam bidang saintifik mempunyai laras bahasanya yang tersendiri kerana istilah ini mendukung konsep khusus. Padanan istilah yang tepat boleh dicapai oleh penterjemah jika dapat menangani kekaburan makna yang sukar ditakrifkan. Kajian ini menunjukkan bahawa penterjemahan dalam bidang saintifik bersifat terbuka, khususnya dalam memasukan istilah asing. Namun begitu, penggunaan istilah dalam bidang saintifik juga memerlukan penguasaan bahasa secara keseluruhannya.

Amirah Shazreena, Vijayaletchumy dan Che Ibrahim (2017) pula menjalankan kajian terjemahan istilah daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dalam bidang fesyen. Fokus kajian adalah untuk menganalisis terma *fashion* daripada bahasa Inggeris yang tidak dapat diterjemahkan kepada bahasa Melayu. Kajian ini telah menggunakan teori Chaer dan Agustina (2004) bagi mencapai tujuan tersebut. Kajian dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif. Seramai 30 responden yang

terdiri daripada pelajar program Kesusasteraan Inggeris dan dua orang responden telah ditemu bual untuk mendapatkan data kajian. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa responden banyak mengenal istilah fesyen di Malaysia dan dalam bahasa Inggeris. Bahkan, istilah fesyen di Malaysia mengalami perubahan disebabkan pendedahan bahasa asing oleh media massa.

Kajian Mukhlis, Nasimah dan Lubna (2020) lebih memberikan tumpuan pada penterjemahan istilah dalam bidang agama dengan meneliti konsep kebolehterjemahan. Konsep kebolehterjemahan untuk dua buah kitab suci, iaitu Bible dan al-Quran dilakukan bergandingan dengan konsep ketidakebolehterjemahan. Kajian membataskan ketidakebolehterjemahan kepada kebolehterjemahan linguistik dan kebolehterjemahan budaya. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa teks Bible dan al-Quran mempunyai nilai kesusasteraan dan elemen estetik yang tinggi sehingga cakupan makna dan ruang keterbukaan yang luas menuntut penterjemah berusaha untuk mengenal pasti secara menyeluruh batas tafsiran atau penjelasan yang dibenarkan dalam sesuatu teks terjemahan.

Selain kajian penterjemahan istilah, kajian peristilahan juga diteliti dari sudut sosioterminologi seperti yang dilakukan oleh Junaini, Rusmadi dan Anis Shahira (2020) yang memfokuskan istilah berkaitan dengan COVID-19 dalam korpus peristilahan bahasa Melayu. Keanekaragaman penciptaan istilah tentang COVID-19 turut diberikan perhatian dalam kajian ini. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Teks kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertujuan melaporkan situasi jangkitan COVID-19 di Malaysia, dari 16 Januari 2020 hingga 10 Mei 2020 dijadikan data kajian. Senarai istilah yang telah dikenal pasti daripada teks kenyataan akhbar KKM dibandingkan dengan istilah yang terdapat dalam pangkalan data istilah DBP. Hasil daripada perbandingan tersebut, pendekatan sosioterminologi digunakan dengan melihat istilah sebagai sebahagian daripada bahasa, bukan sekadar simbol atau tanda. Kajian ini mendapati bahawa 67.0% (96) istilah yang digunakan oleh KKM sudah pun dibakukan oleh DBP. Selebihnya istilah baharu, tetapi pembentukannya didapati menepati pedoman pembentukan istilah. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan sosioterminologi dapat membantu perancang bahasa membentuk istilah dan menyatukan konsep khusus kepada komuniti penutur.

Mohamad Zakuan (2020) pula telah melakukan penelitian tentang istilah COVID-19 dari perspektif penerimaan masyarakat di laman sosial. Fokus utama kajian untuk menjelaskan prosedur terjemahan

istilah COVID-19. Kajian menggunakan Prosedur Terjemahan Vinay & Darbelnet (1958/1995), iaitu terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung sebagai teori kajian. Bagi menganalisis penerimaan masyarakat, Konsep Penerimaan Gambier (2018) digunakan. Konsep penerimaan tersebut merujuk tiga fitur utama, iaitu respons, reaksi dan akibat. Hasil kajian mendapati bahawa prosedur terjemahan literal, pinjam terjemah dan modulasi lebih kerap digunakan berbanding prosedur lain. Dari perspektif penerimaan masyarakat pula, kajian mendapati bahawa kadar maklum balas masyarakat tempatan bersifat rencam. Sebilangan maklum balas bersetuju bahawa terjemahan istilah oleh DBP seharusnya bertunjangkan “pemeribumian” ilmu/terminologi asing dalam BM, dan bukannya hanya dipindahkan secara literal. Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini telah memberikan gambaran tentang proses penilaian terjemahan bagi istilah bertemakan COVID-19 serta tanggapan umum masyarakat mengenainya.

PEDOMAN PEMBENTUKAN ISTILAH

Dalam konteks pembentukan dan penggubalan istilah, terdapat beberapa kaedah telah digariskan dalam *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUIBM)* (2004), iaitu kaedah pemantapan, pepadanan dan perekapiptaan.

Kaedah Pemantapan

Kaedah pemantapan dilakukan dengan menggunakan istilah sedia ada sumber inventori bahasa Melayu dan yang telah digunakan dalam penyampaian ilmu di sekolah atau institut pengajian tinggi.

Contoh: *fund* → dana / kumpulan wang

Penggunaan istilah **dana** telah mantap dalam sumber inventori bahasa Melayu bagi merujuk istilah *fund* seperti yang telah digunakan dalam bidang industri perkhidmatan kewangan.

Kaedah Pepadanan

Kaedah pepadanan menggariskan beberapa kaedah bagi memadankan istilah baharu yang tiada dalam sumber inventori bahasa Melayu.

(a) Penterjemahan

Kaedah penterjemahan dilakukan dengan mencari padanan bagi bahasa Melayu untuk istilah asing dengan menepati syarat-syarat yang digariskan dalam PUIBM, iaitu:

- makna istilah terjemahan harus tepat dengan makna istilah asal;
Contoh: *rent free* → bebas sewa
- tidak terikat dengan persamaan bentuk (bentuk kata tunggal boleh diterjemahkan dalam bentuk frasa);
Contoh: *supermarket* → pasar raya
- mesti menganggotai golongan kata yang sama dengan istilah asal;
frasa nama = frasa nama
frasa nama ≠ frasa kerja
Contoh: *petitioner* → pempetisyen (KN)
- ciri semantik dalam istilah asal harus dipertahankan dalam istilah terjemahan (makna positif tidak boleh menjadi makna negatif);
Contoh: *bound form* → bentuk terikat (bukan “bentuk tak bebas”)
- memanfaatkan segala unsur yang terdapat dalam perbendaharaan bahasa Melayu; dan
Contoh: *road-show* → jerayawara (analogi sandiwara)
- penggunaan singkatan dalam istilah asing hendak menjurus kepada pewujudan singkatan yang sama.
Contoh: *short message system (SMS)* → sistem mesej singkat (SMS)

(b) Penyerapan

Kaedah penyerapan dilakukan dengan menyerap atau meminjam istilah asing dalam bahasa Melayu sama ada dengan penyesuaian ejaan atau tanpa penyesuaian ejaan.

Contoh: *contradiction* → kontradiksi (penyesuaian ejaan)
radar → radar (tanpa penyesuaian ejaan)

(c) Penyesuaian imbuhan istilah asing

Kaedah penyesuaian imbuhan istilah asing dilakukan apabila istilah asing tersebut mempunyai awalan atau akhiran yang membawa makna khusus.

Contoh: *bilingual* → dwibahasa (awalan *bi-* dipadankan dengan “dwi”)
bicarbonate → bikarbonat (awalan *bi-* dikekalkan)

(d) Gabungan penterjemahan dan penyerapan

Kaedah gabungan ini dilakukan dengan menterjemah dan menyerap istilah asing sekali gus kepada bahasa Melayu.

Contoh: *life annuity* → anuiti hayat

Kaedah Perekaciptaan

Kaedah perekaciptaan dilakukan dengan mencipta istilah baharu oleh pakar dalam pelbagai bidang ilmu melalui segala sumber yang terutama bagi konsep-konsep baharu.

Contoh: susun atur → *layout*

Berdasarkan kaedah yang telah digariskan dalam PUIBM (2004), kajian ini dilakukan adalah untuk membincangkan padanan istilah dalam bidang Kesihatan Awam yang berkaitan isu COVID-19 berdasarkan kaedah yang dinyatakan tersebut. Fokus utama kajian adalah untuk membincangkan istilah yang dibentuk menerusi kaedah pemadanan yang mengandungi kaedah penterjemahan, kaedah penyerapan, kaedah penyesuaian atau gabungan kaedah yang dinyatakan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif menerusi pendekatan analisis kandungan sebagai metodologi kajian. Data dicerap daripada hantaran




Rajah 1 Contoh hantaran dalam Twitter @DBPMalaysia.

yang dimuat naik di laman sosial Twitter @DBPMalaysia menerusi carian #pekabahasa sepanjang 18 Mac 2020 hingga 18 Mac 2021 yang disisihkan menggunakan ciri *Advanced Search*. Berdasarkan janaan carian data, sebanyak 212 hantaran yang menunjukkan istilah pelbagai bidang telah dimuat naik dalam akaun Twitter @DBPMalaysia. Hantaran yang dimuat naik adalah dalam bentuk bergambar seperti dalam Rajah 1 yang mengandungi istilah bahasa Inggeris, istilah bahasa Melayu, bidang dan huraian tentang istilah.

Berdasarkan hantaran yang dikenal pasti, terdapat sebanyak 42 bidang telah ditunjukkan dalam Twitter @DBPMalaysia tersebut. Pecahan istilah mengikut bidang dapat dilihat seperti dalam Rajah 2.

Rajah 2 tersebut menunjukkan tiga bidang teratas dengan jumlah tertinggi ialah Kesihatan Awam, Perubatan serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Istilah dalam bidang Kesihatan Awam menunjukkan hantaran paling tinggi, iaitu sebanyak 54 data (25.5%) berbanding dengan bidang lain. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk memfokus pada kaedah terjemahan istilah bagi istilah yang terkandung dalam bidang Kesihatan Awam berdasarkan kaedah yang dinyatakan dalam *Pedoman Umum*



Rajah 2 Pecahan hantaran istilah mengikut bidang.

Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu (PUIBM) (2004). Setiap istilah yang dikenal pasti kemudiannya dipindahkan maklumat tersebut dalam jadual (seperti dalam Lampiran) yang mengandungi maklumat istilah bahasa Inggeris, istilah bahasa Melayu, tarikh hantaran dan kaedah padanan istilah.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap 54 istilah yang telah dikenal pasti (Rujuk: Lampiran), ketiga-tiga kaedah yang dinyatakan dalam PUIBM telah digunakan. Jadual 1 menunjukkan pecahan kaedah pembentukan istilah berdasarkan data yang dikaji.

Jadual 1 tersebut menunjukkan bahawa kaedah penterjemahan merupakan kaedah pembentukan istilah paling tinggi, iaitu sebanyak 23 (42.5%) istilah, dan seterusnya diikuti dengan kaedah gabungan penterjemahan dan penyerapan (GTS) sebanyak 20 (36.9%) istilah. Seterusnya kaedah pemantapan, kaedah gabungan penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTPI) dan kaedah gabungan penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GSPI), masing-masing sebanyak 2 (3.7%) data istilah. Bagi kaedah penyerapan, gabungan penterjemahan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTSPI), gabungan pemantapan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan

Jadual 1 Pecahan kaedah pembentukan istilah bidang kesihatan awam.

Kaedah Pembentukan Istilah	Bilangan Data
Pemantapan	2
Pemadanan	
• Penterjemahan	23
• Penyerapan	1
• Gabungan penterjemahan dan penyerapan (GTS)	20
• Gabungan penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTPI)	2
• Gabungan penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GSPI)	2
• Gabungan penterjemahan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTSPI)	1
• Gabungan pemantapan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GMSPI)	1
• Gabungan perekaciptaan, penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTRPI)	1
Perekaciptaan	1
JUMLAH	54

istilah asing (GMSPI), gabungan perekaciptaan, penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GRTPI) serta kaedah perekaciptaan, sebanyak 1 (1.9%) istilah bagi setiap kaedah yang dinyatakan. Berdasarkan analisis data kajian ini, terdapat beberapa gabungan kaedah baharu yang ditemui selain kaedah gabungan yang dinyatakan dalam PUIBM (2004), iaitu gabungan penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTPI), gabungan penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GSPI), gabungan penterjemahan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTSPI), gabungan pemantapan dan penyerapan (GMSPI) dan gabungan perekaciptaan, penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTRPI).

Pemantapan

Analisis data menunjukkan bahawa terdapat dua istilah yang menunjukkan kaedah pemantapan dalam pembentukan istilah dalam bidang Kesihatan

Awam berkaitan dengan COVID-19. Yang berikut merupakan contoh istilah yang menunjukkan kaedah pemantapan.

Contoh: *thermal scanner* → pengimbas haba

Istilah *thermal scanner* telah dipadankan kepada **pengimbas haba**, iaitu konsep yang menerangkan suatu alat untuk mengukur tahap haba seseorang. Perkataan *thermal* dalam bahasa Inggeris berasal daripada kata akar *therm* (unit tenaga haba) dan dipadankan dengan perkataan bahasa Melayu **haba**, manakala *scanner* berasal daripada kata akar *scan* (imbas) telah dipadankan kepada **pengimbas** bagi menerangkan konsep istilah tersebut sebagai suatu alat menerusi frasa **pengimbas haba**. Pembentukan istilah tersebut dilihat menepati kaedah pemantapan kerana istilah **pengimbas haba** telah sedia ada dalam sumber inventori bahasa Melayu dan telah digunakan dalam penyampaian ilmu seperti yang terkandung dalam buku-buku teks sekolah.

Penterjemahan

Berdasarkan penelitian terhadap data yang dikaji, kaedah ini merupakan kaedah yang paling produktif. Terdapat 23 istilah yang dipadankan menerusi kaedah penterjemahan. Yang berikut merupakan contoh istilah dalam bidang Kesihatan Awam yang berkaitan isu COVID-19 yang dipadankan dengan kaedah penterjemahan.

Contoh: *travel bubble* → gelembung perjalanan

Istilah *travel bubble* telah diterjemahkan kepada **gelembung perjalanan**, iaitu suatu konsep baharu dalam bahasa Melayu. Istilah ini bermaksud suatu bentuk perjanjian yang telah dipersetujui antara dua atau lebih negara untuk membuka sempadan kerana kepercayaan terhadap negara masing-masing dalam usaha menangani dan mengurus penularan virus dengan baik. Hal ini merupakan sesuatu yang baharu di alam Melayu ekoran kesan daripada pandemik COVID-19. Oleh hal yang demikian, istilah sumber *travel bubble* tersebut telah diterjemahkan secara literal dengan melihat padanan makna yang terdapat dalam bahasa Melayu. Maka perkataan *travel* telah diterjemah menjadi **perjalanan**, dan *bubble* dipadankan kepada **gelembung** yang kemudiannya disesuaikan struktur mengikut hukum tatabahasa bahasa Melayu D-M (diterangkan

dan menerangkan) bagi membentuk frasa **gelembung perjalanan**.

Penyerapan

Analisis data menunjukkan bahawa hanya satu istilah dalam bidang Kesihatan Awam yang berkaitan dengan COVID-19 yang menggunakan kaedah penyerapan dengan penyesuaian ejaan, iaitu istilah “*sut hazmat*”.

Contoh: *hazmat suit* → **sut hazmat**

Istilah *hazmat suit* dalam contoh tersebut dipadankan menjadi **sut hazmat** dalam bahasa Melayu. Istilah tersebut merupakan suatu konsep yang baharu, iaitu merujuk pakaian khas sebagai pelindung kepada petugas daripada bahan berbahaya seperti bahan kimia atau agen biologi. Oleh sebab itu, istilah *hazmat suit* diserap kepada bahasa Melayu dengan penyesuaian ejaan bagi perkataan *suit* kepada “*sut*” mengikut bentuk ejaan bahasa sasaran, manakala perkataan *hazmat* diserap secara langsung sekali gus membentuk frasa **sut hazmat**. Kaedah penyerapan ini lazimnya melibatkan istilah asing yang langsung tiada padanan dalam bahasa Melayu.

Gabungan Penterjemahan dan Penyerapan (GTS)

Selain kaedah penterjemahan, kaedah yang menggabungkan penterjemahan dan penyerapan (GTS) juga menunjukkan kaedah padanan yang paling tinggi digunakan dalam pepadanan istilah Kesihatan Awam berkaitan dengan isu COVID-19, iaitu sebanyak 20 istilah dikenal pasti seperti contoh yang berikut.

Contoh: *viral shedding* → peluruhan **virus**

Istilah *viral shedding* dipadankan dengan **peluruhan virus** dalam bahasa Melayu. Dalam istilah ini, perkataan *shedding* diberikan padanan **peluruhan** dalam bahasa Melayu menerusi kaedah penterjemahan kerana padanannya telah wujud dan diguna pakai dalam inventori pelbagai bidang bahasa Melayu. Perkataan *viral* diserap dan disesuaikan ejaan sebagai **virus** dengan perubahan ejaan pada hujung perkataan. Perubahan ejaan pada akhiran perkataan tersebut sudah diserap masuk dalam bahasa Melayu sejak awal penggunaan istilah yang merujuk *viral*. Hal ini kerana definisi bagi *viral* dalam bahasa Inggeris adalah berkaitan dengan virus (Merriam-Webster), sebaliknya dalam istilah tersebut *viral* yang dirujuk sebenarnya ialah **virus**. Kaedah GTS ini telah membentuk frasa **peluruhan virus** bagi

menghuraikan konsep kumuhan progeni (salasilah genetik) virus daripada perumahnya.

Gabungan Penterjemahan dan Penyesuaian Imbuan Istilah Asing (GTPI)

Analisis data seterusnya menunjukkan istilah yang terbentuk daripada gabungan penterjemahan dan penyesuaian imbuan istilah asing (GTPI). Berdasarkan penelitian, kajian ini mendapati sebanyak dua istilah menggunakan kaedah GTPI ini. Yang berikut merupakan contoh istilah yang dibentuk berdasarkan kaedah gabungan ini.

Contoh: *superspreader* → perebak utama

Istilah *superspreader* dipadankan dengan **perebak utama**. Perkataan *spreader* dipadankan dengan **perebak** menerusi kaedah penterjemahan, manakala imbuan awalan istilah asing *super-* diberikan padanan **utama** dalam pembentukan istilah tersebut. Berdasarkan PUIBM, imbuan awalan istilah asing *super-* boleh dikekalkan bentuknya atau dipadankan sebagai *raya*. Namun begitu, dalam pemadanan istilah *superspreader*, imbuan awalan *super-* dipadankan sebagai **utama** sekali gus telah menambah inventori padanan bagi imbuan awalan *super-* ini. Selain itu, istilah *superpreader* yang dipadankan dengan **perebak utama** juga tidak terikat dengan persamaan bentuk apabila bentuk kata tunggal dalam bahasa Inggeris diterjemahkan dalam bentuk frasa seperti yang digariskan dalam PUIBM. Kaedah GTPI ini membentuk frasa **perebak utama**, iaitu seseorang pesakit yang merebakkan sesuatu penyakit berjangkit kepada ramai orang.

Gabungan Penyerapan dan Penyesuaian Imbuan Istilah Asing (GSPI)

Istilah bidang Kesihatan Awam berkaitan dengan isu COVID-19 yang dianalisis menunjukkan bahawa hanya satu istilah menggunakan kaedah gabungan penyerapan dan penyesuaian imbuan istilah asing (GSPI), iaitu istilah *subkluster*.

Contoh: *subcluster* → subkluster

Berdasarkan contoh tersebut, dapat dilihat bahawa perkataan *cluster* dipadankan dengan **kluster** dalam bahasa Melayu menerusi kaedah penyerapan dengan penyesuaian ejaan apabila huruf “c” telah disesuaikan

dengan “k” bagi menepati sistem ejaan dan sebutan bahasa Melayu. Imbuan awalan asing *sub-* pula tetap dikekalkan dalam padanannya ke bahasa Melayu bertepatan dengan panduan yang ditetapkan dalam PUIBM. Kaedah gabungan GSPI ini membentuk istilah **subkluster** yang merujuk kluster-kluster kecil di bawah kluster utama.

Gabungan Penterjemahan, Penyerapan dan Penyesuaian Imbuan Istilah Asing (GTSPI)

Analisis data menunjukkan bahawa hanya satu istilah dalam bidang kesihatan berkaitan dengan isu COVID-19 yang dikenal pasti menggunakan gabungan ketiga-tiga kaedah pepadanan, iaitu istilah “kontak tak langsung”.

Contoh: *indirect contact* → **kontak tak langsung**

Istilah *indirect contact* tersebut dipadankan dengan **kontak tak langsung** menerusi kaedah gabungan penterjemahan, penyerapan dan penyesuaian imbuan istilah asing (GTSPI). Perkataan *direct* diterjemahkan kepada **langsung** kerana padanan bagi perkataan tersebut sudah wujud dalam sumber inventori bahasa Melayu, perkataan *contact* telah diserap dan disesuaikan ejaannya mengikut sistem ejaan dan sebutan bahasa Melayu menjadi **kontak**. Imbuan awalan istilah asing pula, iaitu *in-* (yang bermaksud “tidak”) dalam konteks istilah tersebut dipadankan dengan **tak** seperti yang digariskan dalam PUIBM. Kaedah GTSPI ini telah menghasilkan istilah **kontak tak langsung**, iaitu individu yang boleh dijangkiti oleh penyakit berjangkit secara tidak langsung seperti melalui sentuhan pada permukaan objek yang telah digunakan oleh individu yang dijangkiti.

Gabungan Pemantapan, Penyerapan dan Penyesuaian Imbuan Istilah Asing (GMSPI)

Berdasarkan penganalisan data, kajian ini menemukan satu istilah Kesihatan Awam berkaitan dengan COVID-19 yang dibentuk menerusi kaedah gabungan pemantapan dan penyerapan (GMSPI). Yang berikut merupakan contoh istilah yang dibentuk menerusi kaedah gabungan ini.

Contoh: *clinical feature* → **ciri klinikal**

Istilah *clinical feature* dipadankan dengan **ciri klinikal** untuk menerangkan konsep berkaitan dengan ciri yang menggambarkan keadaan

yang menimbulkan gejala yang perlu diberikan perhatian atau yang dapat dikenal pasti. Oleh sebab perkataan *feature* merupakan perkataan yang sudah wujud padanannya dalam sumber inventori bahasa Melayu serta sudah mantap penggunaannya dalam pelbagai bidang, maka perkataan tersebut diterjemahkan kepada perkataan **ciri**. Bagi perkataan *clinical* pula, penyerapan dengan penyesuaian ejaan digunakan menjadi **klinikal**, iaitu huruf “c” dalam bahasa Inggeris digantikan dengan huruf “k” dalam bahasa Melayu. Akhiran *-al* dikekalkan bentuknya apabila dipadankan dalam bahasa Melayu seperti yang telah digariskan dalam PUIBIM (2004). Gabungan kaedah ini telah menghasilkan frasa **ciri klinikal** bagi menghuraikan konsep yang dimaksudkan.

Gabungan Perakciptaan, Penterjemahan dan Penyesuaian Imbuan Istilah Asing (GRTPI)

Kaedah pembentukan istilah seterusnya yang ditemui dalam analisis data ialah gabungan perakciptaan, penterjemahan dan penyesuaian imbuan istilah asing (GRTPI), iaitu sebanyak satu data. Yang berikut merupakan istilah bidang Kesihatan Awam berkaitan COVID-19 yang dibentuk menerusi kaedah gabungan ini.

Contoh: *reusable mask* → pelitup **guna semula**

Istilah *reusable mask* dipadankan dengan **pelitup guna semula** bagi menerangkan konsep penutup muka yang biasanya digunakan oleh doktor atau jururawat yang boleh dipakai atau diguna semula. Dalam istilah tersebut, perkataan *mask* diterjemah menjadi **pelitup** menerusi kaedah perakciptaan kerana lazimnya *mask* dipadankan sebagai “topeng”, perkataan *usable* diterjemahkan kepada **guna**, manakala imbuan istilah asing *re-* dipadankan dengan perkataan **semula**. Padanan istilah asing *re-* kepada **semula** tersebut telah digariskan dalam PUIBIM. Selain dipadankan dengan perkataan **semula**, imbuan awalan istilah asing *re-* juga boleh dikekalkan, atau dipadankan dengan *ulang* atau *balik*. Namun begitu, dalam konsep istilah tersebut, padanan yang sesuai ialah **semula**. Kaedah GRTPI ini menghasilkan frasa **pelitup guna semula** bagi menerangkan konsep yang dimaksudkan.

Perekaciptaan

Berdasarkan penganalisan data, terdapat juga istilah bidang Kesihatan

Awam berkaitan dengan COVID-19 yang dibentuk menerusi kaedah perekaciptaan seperti yang berikut.

Contoh: *patient zero* → kes pemula

Istilah *patient zero* dipadankan sebagai **kes pemula** bagi menerangkan konsep individu yang dikenal pasti sebagai pembawa pertama penyakit berjangkit dalam sesuatu wabak atau epidemik penyakit berkaitan. Istilah ini dibentuk berdasarkan kaedah perekaciptaan kerana istilah sumber tersebut tidak diterjemah secara literal sebagai “pesakit kosong” sebaliknya dicipta istilah baharu bagi menerangkan konsep istilah yang dimaksudkan. Hal ini juga bertepatan dengan yang dinyatakan oleh Hasnah (2020) yang menyatakan perkembangan terkini dalam bidang peristilahan memperlihatkan kecenderungan menggunakan pendekatan sosioterminologi dalam penghuraian istilah, iaitu mengaitkan penciptaan istilah secara deskriptif bagi menerangkan fenomena persekitaran dan aktiviti kemasyarakatan.

Secara keseluruhannya, berdasarkan perbincangan yang dilakukan, analisis data menunjukkan bahawa terdapat lima gabungan yang tidak dinyatakan secara langsung dalam PUIBIM yang dikenal pasti menerusi kajian ini, iaitu gabungan penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTPI), gabungan penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GSPI), gabungan penterjemahan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTSPI), gabungan pemantapan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GMSPI), serta gabungan perekaciptaan, penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GRTPI). Hal ini kerana kaedah gabungan ini tidak seproduktif kaedah yang telah digariskan dalam PUIBIM yang lain berdasarkan penggunaan pembentukan istilah yang hanya satu atau dua data sahaja yang ditemui bagi gabungan tersebut.

KESIMPULAN

Dengan memanfaatkan data yang diambil daripada hantaran di media sosial rasmi DBP tersebut sepanjang 18 Mac 2020 hingga 18 Mac 2021. Istilah Kesihatan Awam berkaitan dengan isu COVID-19 telah dikenal pasti dan dianalisis kaedah pembentukan istilah yang digunakan berpandukan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu Edisi Baharu* (2004) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaedah penterjemahan merupakan kaedah paling banyak digunakan dalam data, diikuti dengan gabungan penterjemahan dan penyerapan. Seperti yang dinyatakan di atas, terdapat

lima gabungan pembentukan istilah yang baharu ditemui, iaitu gabungan penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTPI), gabungan penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GSPI), gabungan penterjemahan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GTSPI), gabungan pementapan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GMSPI), serta gabungan perekaciptaan, penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing (GRTPI).

Kajian ini memaparkan bahawa pandemik COVID-19 membuka ruang baharu dalam bidang peristilahan di Malaysia. Secara tidak langsung, bahasa Melayu telah menerima banyak istilah baharu yang dipadankan daripada bahasa asing. Pembentukan istilah menerusi proses pepadanan dan penterjemahan ini bukanlah satu proses yang ringkas, tetapi telah dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan pengguna memahami dan menggunakan istilah yang diterjemahkan dan dibentuk itu dalam konteks yang betul. Hal ini sangat penting terutamanya kepada pengamal media yang memberikan laporan berita lisan dan tulisan kepada masyarakat. Begitu juga kepada para pakar kesihatan dalam bidang Kesihatan Awam, mereka memberikan informasi dan rawatan dengan menggunakan istilah yang betul kepada rakyat.

RUJUKAN

- Amirra Shazreena Amirul Razin, Vijayaletchumy Subramaniam & Che Ibrahim Salleh. (2017). *Jurnal Mawangsa PERTANIKA*. 4 (2), 361–378.
- Berita Harian Online. (2020, 17 Mac). Kronologi Covid-19 di Malaysia. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>
- BERNAMA. (2020, 2 Julai). Pandemik COVID-19 wujudkan kepelbagaian penterjemahan, padanan istilah-Awang Sariyan. *Bernamea.com*. https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1856670
- Chaer, Abdul & Leonie, Agustina. (2004). *Sosiolinguistik: Perkenalan awal*. RinekaCipta.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (t.t.). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Dicapai pada 20 Mei 2021 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. [@DBPMalaysia]. (t.t). *Tweets*. [Twitter profile]. Dicapai pada 15 Mei 2021 daripada <https://twitter.com/DBPMalaysia>
- Ducharme, Jamie. (11 Mac 2020). World Health Organization declares COVID-19 a ‘pandemic’. Here’s what that means. *Time*. <https://time.com/5791661/who-coronavirus-pandemic-declaration/>

- Gambier, Y. (2018). Translation studies, audiovisual translation and reception. In E. Di Giovanni & Y. Gambier (Eds.), *Reception studies and audiovisual translation* (41st ed.). 43–66. John Benjamins. <https://doi.org/10.1075/btl.141>
- Hasnah Mohamad. (2020). Bahasa dan Peristilahan: COVID-19 Istilah yang memenuhi syarat. *Dewan Bahasa*, 5, 8–10.
- Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. (t.t). Bahagian Kesihatan Awam. *Portal Rasmi Jabatan Kesihatan Negeri Selangor*.
- Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin & Anis Shahira Shamsuri. (2020). COVID-19 dalam korpus peristilahan bahasa Melayu: Analisis sosioterminologi. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20 (3), 221–241.
- Merriam-Webster. (t.t.). *Viral*. Dalam Merriam-Webster.com dictionary. Dicapai pada 4 September 2021, daripada <https://www.merriam-webster.com/dictionary/viral>
- Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim. (2020). Terminologi COVID-19: Peristilahan dan penerimaan masyarakat di laman sosial. *E-Prosiding NARADATA 2020: Penyelidikan Bahasa, Sastera dan Budaya dalam Era Pandemik*, 58–66.
- Mukhlis Rosli, Nasimah Abdullah & Luna Abd. Rahman. (2020). Terjemahan teks keagamaan: Tinjauan dari sudut kebolehterjemahan. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4), 78–89.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (Edisi Baharu). (2004). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Masittah Raja Ariffin, Che Ibrahim Haji Salleh & Norazlina Hj. Mohd Kiram. (2012). Penerapan istilah Sains Pertanian MBIM/MABBIM dalam penterjemahan buku Inggeris-Melayu. *Jurnal Linguistik*, 15, 1–28.
- Vinay, J.P., & Darbelnet, J. (1958/1995). *Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation* (Vol. 11). John Benjamins B.V
- Zaliza Zubir & Mahfuzzah Md. Daud. (2014). Peristilahan dalam bidang saintifik.

LAMPIRAN

Kaedah Pembentukan Istilah dalam Kesihatan Awam Berkaitan COVID-19

Istilah Bahasa Inggeris	Istilah Bahasa Melayu	Tarikh Hantaran	Kaedah Pembentukan Istilah
<i>travel bubble</i>	gelembung perjalanan	22 Februari 2021	Penterjemahan
<i>drive-through testing</i>	ujian pandu lalu	3 Februari 2021	Penterjemahan
<i>early detection</i>	pengesanan awal	2 Oktober 2020	Penterjemahan
<i>early warning</i>	amaran awal	1 Oktober 2020	Penterjemahan
<i>symptom-based strategy</i>	strategi berasaskan gejala	30 September 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>fomite transmission</i>	penularan benda tercemar	22 September 2020	Penterjemahan
<i>low-risk exposure</i>	dedahan risiko rendah	11 September 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>medium-risk exposure</i>	dedahan risiko sederhana	28 Ogos 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>high-risk exposure</i>	dedahan risiko tinggi	25 Ogos 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>reusable mask</i>	pelitup guna semula	24 Ogos 2020	Perekaciptaan, penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing
<i>thermal scanner</i>	pengimbas haba	21 Ogos 2020	Pemantapan
<i>local transmission</i>	penularan tempatan	21 Ogos 2020	Penterjemahan
<i>subcluster</i>	subkluster	7 Ogos 2020	Penyesuaian imbuhan istilah asing dan penyerapan

Istilah Bahasa Inggeris	Istilah Bahasa Melayu	Tarikh Hantaran	Kaedah Pembentukan Istilah
<i>multiplier effect</i>	kesan pengganda	6 Ogos 2020	Penterjemahan
<i>supply chain</i>	rantaian bekalan	29 Julai 2020	Penterjemahan
<i>medical base</i>	pangkalan perubatan	28 Julai 2020	Penterjemahan
<i>supportive care</i>	jagaan sokongan	27 Julai 2020	Penterjemahan
<i>clinical feature</i>	ciri klinikal	24 Julai 2020	Gabungan pemantapan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing
<i>main cluster</i>	kluster utama	15 Julai 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>herd mentality</i>	pemikiran kelompok	1 Julai 2020	Penterjemahan
<i>community transmission</i>	penularan komuniti	29 Jun 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>noncommunicable disease</i>	penyakit tak berjangkit	25 Jun 2020	Penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing
<i>presumptive case</i>	kes andaian	18 Jun 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>clinical assessment tools</i>	alat penilaian klinikal	16 Jun 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>community spread</i>	perebakan komuniti	15 Jun 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>viral shedding</i>	peluruhan virus	13 Jun 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan

Istilah Bahasa Inggeris	Istilah Bahasa Melayu	Tarikh Hantaran	Kaedah Pembentukan Istilah
<i>respirator fit testing</i>	ujian padan respirator	12 Jun 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>patient zero</i>	kes pemula	11 Jun 2020	Perekaciptaan
<i>virtual health advisory</i>	penasihat kesihatan maya	10 Jun 2020	Penterjemahan
<i>health recovery</i>	pemulihan kesihatan	9 Jun 2020	Penterjemahan
<i>influenza-like illness</i>	gejala demam selesema	5 Jun 2020	Pemantapan
<i>sanitation tunnel</i>	terowong sanitasi	4 Jun 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>self-regulation</i>	kawalan sendiri	3 Jun 2020	Penterjemahan
<i>face shield</i>	pelindung muka	13 Mei 2020	Penterjemahan
<i>self-isolation</i>	pengasingan sendiri	10 Mei 2020	Penterjemahan
<i>infected local area</i>	kawasan setempat jangkitan	8 Mei 2020	Penterjemahan
<i>superspreader</i>	perebak utama	6 Mei 2020	Penterjemahan dan penyesuaian imbuhan istilah asing
<i>self-quarantine</i>	kuarantin sendiri	5 Mei 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>hazmat suit</i>	sut hazmat	4 Mei 2020	Penyerapan (penyesuaian ejaan)
<i>face mask</i>	pelitup muka	3 Mei 2020	Penterjemahan
<i>silent spreader</i>	perebak senyap	2 Mei 2020	Penterjemahan
<i>herd immunity</i>	imuniti kelompok	1 Mei 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan

Istilah Bahasa Inggeris	Istilah Bahasa Melayu	Tarikh Hantaran	Kaedah Pembentukan Istilah
<i>hand sanitizer</i>	pensanitasi tangan	17 April 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>social distancing</i>	penjarakan sosial	16 April 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>social distance</i>	jarak sosial	16 April 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>patient under investigation (PUI)</i>	pesakit dalam siasatan	15 April 2020	Penterjemahan
<i>mass gathering</i>	perhimpunan ramai	14 April 2020	Penterjemahan
<i>exponential spread</i>	perebakan pesat	13 April 2020	Penterjemahan
<i>droplet infection</i>	jangkitan titisan	11 April 2020	Penterjemahan
<i><u>indirect</u> contact</i>	kontak <u>tak</u> langsung	10 April 2020	Gabungan penterjemahan, penyerapan dan penyesuaian imbuhan istilah asing
<i>direct contact</i>	kontak langsung	9 April 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>casual contact</i>	kontak biasa	8 April 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>close contact</i>	kontak rapat	7 April 2020	Gabungan penterjemahan dan penyerapan
<i>chain of infection</i>	rantaian jangkitan	6 April 2020	Penterjemahan